

10/06/2002

Malaysia temui Pakistan, India

Abdul Razak Raaf

JOHOR BAHRU, Ahad - Malaysia akan dimasukkan sebagai salah satu negara dalam kumpulan empat atau lima negara Komanwel yang akan bertemu dengan Pakistan dan India bagi membincangkan proses mengelak peperangan di antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tarikh lawatan yang belum diputuskan itu juga bertujuan mencari penyelesaian bagi mengurangkan ketegangan di Asia Selatan.

Katanya, Malaysia menyokong penuh usaha pelbagai pihak agar India dan Pakistan menyelesaikan pertelingkahan itu kerana peperangan konvensional atau nuklear akan memberi kesan negatif kepada penduduk negara itu dan rantau ini.

"Malaysia mengambil pegangan dan menyokong usaha menenangkan ketegangan antara India dan Pakistan serta mahu apa yang jadi punca masalah diatasi segera.

"Kita berharap India dan Pakistan sebagai negara Komanwel akan mencari penyelesaian yang boleh membawa kepuasan kepada kedua-dua pihak apabila perundingan dimulakan," katanya pada sidang akhbar selepas Konvensyen Umno Johor di Hotel Hyatt Regency, di sini hari ini..

Syed Hamid juga berkata, pertelingkahan dua negara jiran itu tidak akan membawa keuntungan, lebih-lebih lagi jika membabitkan penggunaan senjata konvensional atau nuklear.

Katanya, kesan peperangan itu akan melimpah ke rantau ini dalam suasana dunia yang baru saja berusaha mengatasi keganasan.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Malaysia yakin dapat menyelesaikan semua isu tertangguh yang berlarutan begitu lama secara pakej dalam rundingan dengan Singapura pada 1 dan 2 Julai ini, di Kuala Lumpur.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata rundingan itu akan menggunakan pendekatan sesuai yang dipersetujui bersama bagi menyelesaikan semua isu tertangguh secara pakej tanpa menimbulkan masalah kepada kedua-dua negara.

Bagaimanapun, katanya, sebarang keputusan yang dicapai tidak akan menimbulkan masalah dan tidak menyekat hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

"Dalam rundingan nanti kita akan membincangkan keputusan masing-masing bagi menyelesaikan isu tertangguh, selain berbincang untuk rapatkan hubungan kalau ada jurang.

"Kalau dapat persetujuan, adalah lebih baik, tetapi kalau tidak, rundingan akan disambung pada masa lain," katanya.

September lalu, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh berikutan pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang melawat Kuala Lumpur.

Perbincangan merangkumi kadar harga air mentah yang dijual ke Singapura, pertikaian hak milik tanah Keretapi Tanah Malaysia Berhad (KTMB) dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM Tanjung Pagar, penggunaan ruang udara oleh Tentera Udara Singapura serta pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) pekerja Semenanjung.

Syed Hamid berkata, pertemuan kedua-dua negara itu juga akan membincangkan formula yang dikemukakan kedua-dua pihak mengenai harga jualan air mentah yang sebelum ini sudah dipersetujui untuk dikaji semula.

Pada Januari lalu, Malaysia tidak bersetuju cadangan Singapura

menawarkan membeli air mentah dari kerajaan Johor pada dengan harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter).

Pada masa ini, Singapura membeli air mentah Johor pada kadar 30 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengkaji semula kadar air mentah yang dijual ke Singapura setiap lima tahun, beliau berkata, ia bergantung kepada perjanjian baru yang dipersetujui kedua-dua pihak dalam pertemuan itu.

(END)